



Title : Perkembangan Kerajaan Melayu Islam di Asia Tenggara

Author(s) : Siti Nur Afifah Binti Roznan

Institution : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Category : Opinion, Competition

Topics : History

Perkembangan Kerajaan Melayu Islam Di Asia Tenggara

SITI NUR AFIFAH BINTI ROZNAN

Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGENALAN

Islam ditakrif sebagai sebuah agama yang menggariskan ajaran Islam dengan menerapkan konsep dakwah dalam kehidupan penganut agama tersebut. Secara lebih terperinci, agama Islam boleh diertikan sebagai sebuah agama yang mempunyai tujuan yang jelas bagi menyebarkan dakwah-dakwah secara Islamiah. Dalam pada itu, pengertian tentang ungkapan Islam terbahagi kepada dua jenis iaitu terdiri daripada pengertian etimologis dan terminologis. Berdasarkan kepada pengertian etimologis, Islam bermaksud sentosa, selamat atau damai manakala mengikut kepada konsep syarie, Islam ditakrifkan sebagai suatu penyerahan diri untuk mematuhi segala yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Selain itu, pengertian terminologis pula membawa maksud kepada sebuah agama yang mendorong masyarakat untuk melakukan kebaikan di dalam kehidupan mereka. Di samping itu, Islam juga diidentifikasi sebagai Dinul Islam. Hal ini demikian kerana, ‘Din’ bermaksud kebaikan manakala ungkapan ‘Islam’ berasal daripada sebuah akar kata iaitu ‘Salima’ yang bermaksud ‘Selamat’ sama seperti yang telah diperjelaskan dalam pengertian etimologis. Justeru itu, agama Islam dipraktikkan melalui dua cara iaitu Al-Quran dan Hadis. Umum mengetahui bahawa, ayat-ayat di dalam Al-Quran memperjelaskan tentang tiga kisah utama seperti, kisah para nabi. Kisah yang kedua adalah tentang peristiwa yang telah berlaku manakala kisah yang ketiga berkaitan peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa Nabi Muhammad S.A.W masih hidup. Peristiwa tersebut terdiri daripada penghijrahan Nabi Muhammad, peperangan dan peristiwa isra miraj.

ISLAM DI NUSANTARA

Umum mengetahui bahawa, agama Islam pada awalnya bertapak di negara Indonesia yang terletak di Nusantara. Dalam pada itu, berlaku sebuah proses iaitu proses Islamisasi yang diimplementasikan oleh kerajaan-kerajaan yang berada di Nusantara pada suatu masa yang dahulu. Tamsilnya, Kerajaan Perlak dan Kerajaan Samudera Pasai yang merupakan kerajaan utama di Nusantara dengan mengamalkan konsep-konsep teras agama Islam. Selain itu, kemasukan agama Islam di Nusantara juga diperjelaskan melalui beberapa teori yang mendapat penerimaan daripada perspektif dunia. Justeru itu, teori tersebut terdiri daripada tiga teori utama iaitu teori Arab, teori Parsi dan juga teori Gujarat.

Pertama sekali, kedatangan agama Islam di Nusantara telah dinyatakan dalam teori Arab bahawa terdapat dua buah pemerintahan yang terlibat iaitu di Madinah dan Mekah. Teori tersebut diwujudkan semasa zaman pemerintahan Khulafa Ar-Rasyidin. Dalam pada itu, pentadbiran pada era tersebut diterajui oleh pemimpin-pemimpin utama Islam seperti Khalifah Abu Bakar, Khalifah Umar Bin Al-Khattab, Khalifah Ali Bin Abu Talib dan Khalifah Uthman Bin Affan. Tambahan pula, teori-teori daripada Arab juga mendapat persetujuan dan penerimaan daripada tiga individu utama yang mempunyai pengaruh besar berkaitan teori yang diutarakan iaitu Hamka, De Holander dan Crawfurd. Seterusnya, proses kemasukan agama Islam di Nusantara dapat dibuktikan melalui gelaran yang digunakan oleh Raja Pasai iaitu gelaran Al Malik. Lantaran itu, gelaran tersebut digunakan oleh keturunan Raja Pasai secara turun temurun. Maka, jelaslah bahawa ajaran agama Islam pada awalnya diamalkan di Nusantara, Indonesia yang terletak di Asia Tenggara. Penyebaran Islam juga dijelaskan dalam Hikayat-Hikayat Raja Pasai:-

“Pendidikan daerah itu hendaklah langsung dan diislamkan dari Mekah kerana kerajaan itu akan banyak menghasilkan wali Allah, penyebar Islam”

Selain itu, pendapat daripada teori Gujerat juga dianggap relevan oleh para pengkaji sejarah. Berdasarkan kepada teori itu, agama Islam yang bertapak di Nusantara disumbang oleh Gujerat itu tersendiri. Hal ini demikian kerana, terdapat kekurangan dari segi informasi dan fakta-fakta yang menjelaskan bahawa penyampaian ajaran Islam di Indonesia disebarluaskan oleh orang Arab. Isu tentang kekurangan fakta tersebut diutarakan oleh Snock Hurgronje. Dalam pada itu, teori ini juga menekankan tentang hubungan perdagangan yang wujud diantara India dan Nusantara. Tamsilnya, terdapat sebuah inskripsi yang mengandungi informasi berkaitan agama Islam telah ditemui di Sumatera sehingga mampu untuk mengukuhkan lagi teori kemasukan Islam di Nusantara yang berasal daripada Gujerat. Sementelahan itu, terdapat juga penulisan karya-karya tentang sumbangaan Gujerat kepada kemasukan Islam di Nusantara. Lantaran itu, H.J. Van Deck dan Prof. Dr Kreamer mempersetujui bahawa Gujerat merupakan sumbangan terbesar pengislaman di Nusantara.

Akhir sekali adalah teori Parsi yang diketengahkan oleh individu yang dikenali sebagai Hoesein Djajadiningrat. Menurut kepada Hoesein Djajadiningrat, Islam di Nusantara dipercayai mempunyai hubungkait yang rapat dengan kerajaan di Parsi. Hal ini demikian kerana, menjelang 10 Muharram upacara perayaan As-Syura disambut di Nusantara sama seperti perayaan yang disambut oleh masyarakat Parsi. Sementelahan itu, perayaan tersebut disambut oleh seluruh umat Islam yang menetap di Nusantara, Indonesia. Tambahan pula, majoriti penganut agama Islam pada era pemerintahan terdahulu terdiri daripada mazhab Syafie. Di samping itu, mereka juga mempunyai persefahaman tentang Syeikh Siti Jenar. Justeru itu, masyarakat yang menetap di Nusantara juga mengimplementasikan ajaran sufi daripada Iran dalam sistem pemerintahan.

PERKEMBANGAN AWAL KERAJAAN ISLAM SAMUDERA PASAI

Kerajaan Samudera Pasai terletak di kawasan pantai bahagian utara Aceh yang terdiri daripada dua buah kota utama iaitu Samudera dan Pasai yang digabung menjadi sebuah kerajaan. Lantaran itu, Kota Samudera terletak di kawasan yang lebih jauh daripada laut manakala Kota Pasai berada di kawasan persisir pantai. Pada awalnya, kerajaan Samudera Pasai berada di bawah pengaruh agama Hindu dan juga Buddha. Secara ringkasnya, agama Hindu dan Buddha ini diperkembangkan serentak sebelum kedatangan Islam. Sementelahan itu, terdapat dua golongan masyarakat yang melakukan penyembahan terhadap patung berhala iaitu, masyarakat Sumatera serta masyarakat Basman dan fakta ini disokong oleh Marco Polo. Dalam pada itu, terdapat sebuah kisah tentang pelarian masyarakat kerajaan Perlak ke Samudera Pasai yang diserang oleh kerajaan lain. Pada waktu itu, pemerintahan di Samudera Pasai dipimpin oleh Merah Silu yang kemudiannya menggabungkan dua buah kerajaan iaitu kerajaan Perlak dengan Samudera Pasai menjadi sebuah kerajaan.

Pada awal abad ke 13, kerajaan Samudera Pasai telah menjadi sebuah kerajaan Islam yang terawal di kawasan Asia Tenggara. Perkara tersebut dapat dibuktikan melalui pengislaman pemerintah yang dikenali sebagai Merah Silu yang kemudiannya digelar sebagai Sultan Malik Al-Saleh. Dalam pada itu, Merah Silu dipercayai telah berjumpa dengan Syeikh Ismail iaitu seorang syarif yang berkuasa di Mekah dan juga merupakan seorang utusan daripada tanah Arab. Tambahan pula, Sultan Malik Al-Saleh telah sempurnakan pembacaan Al-Quran disamping Syeikh Ismail tanpa sebarang kesalahan walaupun tidak pernah diberi tunjuk ajar oleh sesiapa sebelum ini. Menurut kepada sumber penulisan Sulalatus Salatin, telah diperjelaskan bahawa Sultan Malik Al-Saleh diislamkan oleh Syeikh Ismail. Lantaran itu, agama Islam dipercayai tersebar dari kerajaan Perlak sehingga ke kerajaan Samudera Pasai bermula tahun 1292 hingga tahun 1297. Di samping itu, terdapat beberapa sumber cina yang menjelaskan tentang perutusan dua orang muslim iaitu Sulaiman dan Husain daripada Samudera yang berkunjung ke China.

Walau bagaimanapun, terdapat pendapat lain tentang pengislaman Sultan Malik Al-Saleh yang dinyatakan bahawa, baginda menerima ajaran Islam apabila telah berkahwin dengan seorang puteri daripada kerajaan Perlak. Perkahwinan tersebut melibatkan Puteri Ganggang Sari yang merupakan anak kepada Sultan Makhдум Alauddin Malik Muhammad Amin Syah II. Maka dengan itu, jelaslah bahawa kerajaan Islam awal di Asia Tenggara bermula pada abad ke 13 yang terletak di Nusantara, Indonesia iaitu kerajaan Samudera Pasai diperintah oleh Sultan Malik Al-Saleh. Tambahan pula, menurut kepada Moquette, berdasarkan kepada beberapa bukti penemuan arkeologi terbukti bahawa kerajaan Samudera Pasai merupakan kerajaan Islam kerana terdapat penemuan batu nisan Sultan Malik Al-Saleh yang diukir tarikh 1297 masehi.

PERKEMBANGAN KERAJAAN ISLAM SAMUDERA PASAI DARI ASPEK POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL

ASPEK POLITIK

Pada abad ke 13 iaitu pada tahun 1267 sehingga tahun 1297, kerajaan Samudera Pasai menjalankan pemerintahan yang berbentuk monarki. Pada waktu itu, kerajaan tersebut ditadbir oleh Merah Silu yang dikenali sebagai Sultan Malik Al Saleh. Seterusnya, bagi mengukuhkan struktur pemerintahan kerajaan Samudera Pasai, Sultan Malik Al Saleh telah berkahwin bersama Putri Ganggang Sari yang dikenali sebagai Putri Raihana iaitu puteri kepada pemerintah di kerajaan Perlak. Tambahan pula, perkahwinan tersebut disempurnakan bertujuan untuk memperluaskan kawasan wilayah supaya kerajaan Samudera Pasai berupaya untuk menyebarkan syiar atau agama Islam dengan lebih meluas lagi.

Pada abad ke 14, semasa pemerintahan Sultan Mahmud Malik Al Zahir II, Ibnu Batutta telah berkunjung ke Samudera Pasai. Menurut kepada Ibnu Batutta dalam penulisan yang berjudul Rihlah Ibnu Batutta menyatakan bahawa, kerajaan Samudera Pasai merupakan sebuah kerajaan yang agung dan masyur. Hal ini demikian kerana, masyarakat mempunyai kehidupan yang sangat harmoni. Kerajaan Samudera Pasai mengalami perkembangan yang lebih pesat lagi apabila berada di bawah pemerintahan

Sultan Malik Al Zahir II yang mentadbir selama 19 tahun iaitu bermula tahun 1326 sehingga tahun 1345.

Sultan juga dibantu oleh seorang patih yang dikenali sebagai Amir serta dibantu oleh Wazir, Syarif dan Fuqaha. Dalam pada itu, keutamaaan kerajaan tersebut adalah untuk memberi fokus kepada proses perkembangan politik berdasarkan kepada ajaran agama Islam dalam sistem pentadbiran yang ditadbir bagi meluaskan lagi pengaruh kerajaan Samudera Pasai. Hal ini demikian kerana, proses perkembangan sesebuah kerajaan itu juga memberi sumbangan dari segi jangka masa pemerintahan yang ditadbir oleh sultan supaya dapat mengukuhkan kerajaan Samudera Pasai dengan lebih lama lagi.

Oleh yang demikian, terbukti bahawa semasa pemerintahan baginda Sultan Malik Al Zahir II, kerajaan Samudera Pasai berjaya diperkembangkan dengan pesat lagi dan berjaya menjalinkan hubungan diplomatik bersama kerajaan-kerajaan yang lain. Tamsilnya, menjalinkan hubungan diplomatik yang teguh dan positif bersama kerajaan Delhi di India dan juga kerajaan-kerajaan yang berada di tanah Arab. Sebagai bukti, pada tahun 1345, terdapat seorang utusan yang dikenali sebagai Ibnu Battutah yang dikirim oleh Muhammad Tughluq dari India telah berkunjung ke Samudera Pasai sebelum berkunjung ke negara Cina.

Pemerintahan bercorak Islamisasi ini diteruskan sehingga abad yang ke 15. Berdasarkan kepada dasar-dasar pemerintahan kerajaan Samudera Pasai yang digunakan oleh Sultan, baginda telah mengimplementasikan unsur-unsur agama Islam dalam melicinkan sistem pentadbiran yang sedia ada. Tambahan pula, pada abad yang ke 15, kerajaan Samudera Pasai semakin aktif dalam menjalinkan hubungan diplomatik bersama beberapa buah negara lain seperti Mekah, Gujerat dan Parsi. Berdasarkan kepada bentuk pemerintahan pada waktu tersebut, pemerintah diiktiraf sebagai individu yang mempunyai kuasa mutlak serta memegang tanggungjawab sebagai seorang ulama di kerajaan Samudera Pasai. Pemerintahan pada abad tersebut ditadbir oleh Ratu Malikah Nahrasiyah Rawangsa Khadiyu.

Pemerintahan tersebut adalah pada tahun 1405 sehingga tahun 1412 yang dinyatakan bahawa Ratu Nahrasiyah merupakan seorang pemerintah yang mentadbir dengan penuh rasa bertanggungjawab dan terlibat sama dalam menyebarkan syiar Islam. Tambahan pula, Ratu Nahrasiyah digelar sebagai Ra Baghsa Khadiyu yang bermaksud penguasa yang pemurah kerana baginda merupakan seorang pemerintah yang baik hati. Sebagai bukti, terdapat kaligrafi atau penulisan dalam bahasa Arab yang mengungkapkan kata-kata pujiannya terhadap Ratu Nahrasiyah:

“Inilah makam yang bercahaya, yang suci, ratu yang agung yang diampuni. Almarhumah Nahrasiyah yang digelar dari bangsa Khadiyu anak sultan Haidar bin Said anak sultan Zainal Abidin anak sultan Ahmad anak sultan Muhammad bin Malik As-Shalih, atas mereka rahmat dan keampunan, mangkat pada hari Senin 17 Zulhijjah Tahun 832 H atau 1428 Masehi”

Semasa pemerintahan Sultan Abu Zaid Malik Az-Zahir, terdapat dua orang rakyat yang dikenali sebagai Hasan dan Sulaiman yang berasal daripada kerajaan Samudera Pasai telah diutus untuk berkunjung ke negara Cina. Oleh itu, jelaslah bahawa pada abad ke 13 berlakunya hubungan diplomatik diantara negara Cina dan kerajaan Samudera Pasai

ASPEK EKONOMI

Pada abad ke 14, keagungan era pemerintahan di Samudera Pasai tercapai apabila kerajaan tersebut berkembang dengan pesat terutama sekali dalam sektor ekonomi. Menurut kepada Odoric De Pordenone iaitu seorang penjelajah Itali, beliau menyatakan bahawa kerajaan Samudera Pasai disifatkan sebagai sebuah kerajaan yang kaya dan amat makmur. Perkara tersebut dapat dibuktikan apabila kerajaan Samudera Pasai berjaya menjadi peneraju utama dalam bidang perdagangan tempatan dan perdagangan antarabangsa. Antara barang yang didagangkan terdiri daripada beras, tembaga, emas dan haiwan. Dalam pada itu, pemerintahan di Samudera Pasai lazimnya menggunakan mata wang dirham yang berfungsi sebagai medium dalam aktiviti perdagangan yang dijalankan. Tamsilnya, mata wang mula digunakan semasa era pemerintahan Sultan Al Malik Al Zahir

iaitu pada tahun 1297 sehingga 1326. Maka dengan itu jelaslah bahawa, kekayaan kerajaan Samudera Pasai adalah disebabkan kewujudan mata wang.

Ciri-ciri mata wang tersebut terdiri daripada penggunaan nama sultan dan berdasarkan kepada mata wang yang diwujudkan itu, masyarakat dapat mengenali sultan-sultan yang memerintah di Samudera Pasai. Lain daripada itu, sistem pajakan juga turut dijalankan. Sebagai bukti, setiap kapal yang membawa sebarang barang dagangan semestinya dikenakan pajakan sebanyak 6%. Sistem pajakan tersebut dikenakan pada kapal dagangan yang melintasi kerajaan Samudera Pasai. Di samping itu, kerajaan Islam Samudera Pasai merupakan sebuah pusat perdagangan yang pesat pada suatu masa dahulu. Tamsilnya, pedagang-pedagang daripada Arab, Parsi dan Cina pernah berkunjung ke Samudera Pasai. Tambahan pula, terdapat aktiviti jual beli yang merupakan salah satu tunjang pendapatan kerajaan tersebut.

Kerajaan Samudera Pasai juga ditakrif sebagai sebuah pusat entrepot yang amat penting di Asia Tenggara. Justeru itu, kerajaan ini mempunyai sebuah pelabuhan antarabangsa. Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa barang kerajaan daripada negara lain yang ditemui di Samudera Pasai. Tamsilnya, seramik dan batu nisan. Hasil daripada hutan, kayu dan lada yang semakin berkembang membawa kepada kemasyuran kerajaan Samudera Pasai. Perdagangan lada yang pesat merupakan salah satu faktor keagungan kerajaan Samudera Pasai. Tambahan pula, kerajaan Samudera Pasai merupakan sebuah kerajaan maritim. Hal ini demikian kerana, kerajaan tersebut mempunyai angkatan tentera laut yang kuat.

ASPEK SOSIAL

Umum mengetahui bahawa, agama Islam diimplementasikan oleh masyarakat dan pemerintah dalam kerajaan Samudera Pasai. Selain itu, agama Islam memainkan peranan yang dominan dalam membentuk kerajaan tersebut untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam pelbagai aspek kehidupan. Sebagai bukti, masyarakat yang menetap di Samudera Pasai dapat mencapai kehidupan yang harmoni. Dalam pada itu, pemerintah di kerajaan

Samudera Pasai turut mewujudkan institusi pendidikan Islam seperti pembukaan pusat untuk berdakwah bagi membantu rakyat jelata untuk lebih menghayati agama Islam. Sementelahan itu, pada era tersebut, terdapat dua orang ahli ulama yang dikenali iaitu Sunan Gunung Jati dan Maulana Malik Ibrahim. Oleh yang demikian, dua orang ulama tersebut telah membangunkan Majlis Dakwah Songo pada tahun 1404. Di samping itu, mazhab syafie telah diperkenalkan oleh Syeikh Ismail kepada Sultan Malik Al Saleh. Lantaran itu, pemerintah yang mentadbir kerajaan di Samudera Pasai bermazhab syafie.

Pada tahun 1346, Ibnu Batutta telah berkunjung ke Samudera Pasai dan beliau mendapati bahawa pemerintah kerajaan Samudera Pasai berpegang teguh kepada ajaran agama Islam. Tamsilnya, Sultan Malik Al Saleh mengadakan perkongsian berkaitan ilmu-ilmu agama bersama pakar-pakar keilmuan. Justeru itu, kerajaan Samudera Pasai juga merupakan sebuah pusat kebudayaan yang fokus untuk memperkembangkan agama Islam dengan pesat. Sementelahan itu, terdapat dua orang utusan daripada kerajaan Samudera Pasai iaitu Maulana Ishak dan Maulana Malik Ibrahim untuk menyebarkan syiar islamiah di Pulau Jawa. Tambahan pula, para pedagang dan para sufi turut berkerjasama untuk meluaskan agama Islam di kerajaan lain. Secara lebih terperinci lagi, konsep kewilayahan dan juga konsep fiqh diimplementasikan semasa pentadbiran dijalankan. Bukan itu sahaja, terdapat juga pengutipan jizyah kepada orang Islam yang digelar sebagai Ahl Zimmah.

KESIMPULAN

Secara rumusnya, proses Islamisasi ini telah diimplementasikan oleh kerajaan-kerajaan yang pernah diperintah di Nusantara yang terletak di Indonesia. Selain itu, kemasukan agama Islam di Nusantara juga diperjelaskan melalui beberapa teori seperti teori daripada Arab, Parsi dan Gujerat. Kerajaan Samudera Pasai telah menjadi sebuah kerajaan Islam yang terawal di kawasan Asia Tenggara serta merupakan kerajaan terawal yang menyebarluaskan syiar Islam ke beberapa tempat seperti di Pulau Jawa. Agama Islam dipercayai tersebar dari kerajaan Perlak sehingga ke kerajaan Samudera Pasai bermula tahun 1292 hingga tahun 1297. Menurut kepada Ibnu Batuttah dalam penulisan yang berjudul Rihlah Ibnu Batuttah menyatakan bahawa, kerajaan Samudera Pasai merupakan sebuah kerajaan yang agung dan masyur. Berdasarkan kepada dasar-dasar pemerintahan kerajaan Samudera Pasai yang digunakan oleh Sultan, baginda telah mengimplementasikan unsur-unsur agama Islam dalam melicinkan sistem pentadbiran yang sedia ada. Kerajaan Islam Samudera Pasai merupakan sebuah pusat perdagangan yang berkembang dengan pesat sekali pada suatu masa yang dahulu. Pemerintah di kerajaan Samudera Pasai turut mewujudkan institusi pendidikan Islam seperti pembukaan pusat untuk berdakwah bagi membantu rakyat jelata untuk lebih menghayati agama Islam. Pada abad ke 15, kerajaan Samudera Pasai mengalami keruntuhan dan kemerosotan.

RUJUKAN

- A. Asmanidar. 2017. *Cagar Budaya Sebagai Salah Satu Objek Wisata Religi di Kabupaten Aceh Utara Makam Sultan Malek Al Saleh dan Ratu Nahrasiyah*. Indonesia: Universitas Islam Negeri Ar Raniry Bandar Aceh Indonesia
- Abdi Syahriyal. 2015. *Konsep dan Strategi Dakwah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Rahman Idris, Salmah Jan Noor Muhammad, Zariat Abdul Rani dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2019. *Pelaksanaan Wasiat Sebagai Medium Menentukan Kecemerlangan dan Kejatuhan Kerajaan Samudera Pasai dalam Hikayat Raja Pasai*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Arun Kumar Das Gupta. 1641. *Acheh in Indonesian Trade and Politics*, Cornell: Universitas Cornell
- Ayang Utriza Yakin. 2015. *Islamisasi dan Syariatisasi Samudera Pasai Abad 14 Masehi*. Indonesia: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta
- Budi Sulistiono. 2010. *Menelusuri Tinggalan Arkeologi Kerajaan Samudera Pasai*. Jakarta: Lembaga Pentashihan dan Muahaf Al Quran
- Dahlia. 2004. *Peranan Ratu dan Sultanah Pada Kerajaan Pasai*. Aceh: Balai Pelestarian Peninggalan Purbakala Banda Aceh Wilayah Kerja Provinsi Aceh dan Sumatera Utara
- Dr Agus Zaenul Fitri. 2020. *Intergrasi Pengembangan Keilmuan di Pergunungan Tinggi Keagamaan Islam*. Indonesia: IAIN Tulungagung Press
- Dr Machi Suhadi dan Dra. Ny. Halina Hambali. 1994. *Makam-Makam Wali Sanga di Jawa*. Indonesia: Projek Pengembangan Media Kebudayaan Direktorat Jenderal Kebudayaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
- .Dr. Marzuki dan M. Ag. Dosen. 2017. *Konsep Agama Islam*. Indonesia: Universitas Negeri Yogyakarta
- Fithia Khusno Amadia, Muhtar Solihin, Badruzzaman Mohd Yunus. 2011. *Nilai-Nilai Ulu Al Azmi Dalam Tafsir Ibn Kathir*. Indonesia: UIN Sunan Gunung Djati Bandung
- G. W. J Drewes, 1968. *New Light on the Coming of Islam to Indonesia*. Boston: Brill

- Hamka. 1994. *Mazhab Syafie di Indonesia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd
- H. A. Nawawi Rambe. 1979. *Sejarah Da'wah Islam*. Jakarta: Wijaya
- Husaini Ibrahim. 2010. *Awal Islam Di Aceh: Analisis Arkeologi dan Sumbangannya Kepada Nusantara*. Penang: Universiti Sains Malaysia
- Im Sodiawati dan Ahmad Abdul Ghofur. 2017. *Kejayaan Islam di Nusantara Modul 5*. Indonesia: Direktorat Pembinaan Pendidikan Keaksaraan dan Kesetaraan Ditjen Pendidikan Anak Usia Dini dan Pendidikan Masyarakat Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
- L. Bressan. 1997. *Odoric of Pordenone (1265-1331): His Vision of China and South-East Asia and His Contribution to Relations between Asia and Europe*. Singapore: Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society
- Libra Hari Inagurasi. 2017. *Komoditas Perdagangan di Pelabuhan Internasional Samudra Pasai Pada Masa Dulu dan Masa Kini*. Indonesia: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional
- Marco Polo. 2015. *Le Devisement Du Monde*. Paris: La Decouverte
- Marco Polo. 1928. *Le Livre De Marco Polo*. Edinburgh: Oliver and Boyd
- M. D. Mansur. 2010. *Masuk dan Berkembangnya Agama Islam*. Penang: Universiti Sains Malaysia
- Misbahuddin Jamal. 2011. *Konsep Al-Islam Dalam Al-Quran*. Lhokseumawe: Institusi Agama Islam Negeri
- Mohamad Ilyas. 2019. *Tinjauan Umum Tentang Kemudahan Dalam Beragama Islam*. Medan: Universitas Islam Negeri
- Muhammad Haji Salleh. 1997. *Tun Seri Lanang, Sulalatus Salatin Ya'ni Pertuturan Segala Raja-raja: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Ibrahim. 1997. *Sejarah Daerah Propinsi Daerah Istimewa Aceh*. Jakarta: Balai Pustaka
- Muhammad Nur Rokhman. 2013. *Indonesia Pada Masa Pengaruh Islam*. Indonesia: Universitas Negeri Yogyakarta

Muhammad Umar. 2002. *Latar Belakang Sejarah Islam di Aceh*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Muhammad Umar. 2002. *Latar Belakang Sejarah Islam di Aceh*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Muhammad Samsuddin. 2011. *Perkembangan Pengangkutan Marin Sekitar Pantai Timur Tanah Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Nurjannah H, Aris Munandar, dan Nurhayati HS Arifin. 2017. *Pemetaan dan Penilaian Permakaman Sejarah Samudra Pasai di Kabupaten Aceh Utara*. Indonesia: Departemen Arsitektur Lanskap Fakultas Pertanian Institut Pertanian Bogor

Prof. Dr. Abd Jalil Bin Borham. 2014. *Islam di Nusantara*. Universiti Malaysia Pahang: Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan

Prof. Dr. H. Ahmad Khairuddin. 2011. *Asyura: Antara Doktrin, Historis dan Antropologis Perspektif Dakwah Pencerahan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Sarifah Arsani dan Muhamad Hasrul Zakariah. 2017. *Manuskrip Rihlah Ibn Battutah tentang Alam Melayu*. Penang: Universiti Sains Malaysia

Sutopo Sutanto. *Prof. Dr. Hoessein Djajadiningrat: Karya dan Pengabdianya*. Indonesia: Universitas Indonesia

Syahrul Faizaz Binti Abdullah, Azizah Othman dan Solahuddin Ismail. 2006. *Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah dan Metodologi Dakwah Islamiah di Kalangan Pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH)*. Kedah: Universiti Utara Malaysia

Zarifah Arsani dan Muhamad Hasrul Zakariah. 2017. *Manuskrip Rihlah Ibn Battutah Tentang Alam Melayu*. Penang: Universiti Sains Malaysia

Z. Mat. 2002. *Sejarah Kedatangan Islam dan Kemunculan Pusat-pusat Utama Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya